

10 MAR, 2021

## Perlu kreatif wujud peluang bisnes



Kosmo, Malaysia

Page 1 of 4

## Perlu kreatif wujud peluang bisnes



Varia

Oleh  
**AFIZAN AMER**

**P**ANDEMIK Covid-19 yang kini memasuki gelombang ketiga di Malaysia menyaksikan langkah-langkah pencegahan diambil pihak kerajaan dan sudah pasti sangat mempengaruhi pelbagai bidang perniagaan.

Para pemain industri mengakui, pandemik Covid-19 adalah cabaran terbesar dihadapi mereka.

Majoriti industri mengalami penguncupan ketara dan banyak tidak dapat bertahan termasuk ada yang gulung tikar.

Gelombang pemberhentian kerja juga tidak dapat dielakkan, sekali gus menyebabkan ramai orang menganggur atau tidak mempunyai pendapatan.

Hasilnya, kini banyak orang mencuba nasib memulakan perniagaan baharu.

Pandemik ini adalah salah satu cabaran terbesar sejak krisis ekonomi terakhir kerana mengehadkan ruang pertemuan pemain industri dengan pelanggan.

Salah satu inisiatif untuk membolehkan pemain industri bertahan dan berkembang semasa wabak adalah memanfaatkan perkhidmatan penghantaran dalam talian yang terbukti sangat sesuai untuk pelanggan dan meningkatkan perniagaan pandu lalu di premis.

Selain itu, dalam menjalankan perniagaan ketika suasana serba terhad ini, pemain industri dituntut untuk terus menyesuaikan diri dengan keperluan masyarakat.

Mereka harus meningkatkan keterbukaan pemikiran.

Minda yang terbuka adalah sangat penting untuk terus membuat pembaharuan dalam situasi sukar.

Di tengah-tengah ketidakpastian ekonomi akibat pandemik Covid-19, pemain industri dituntut untuk lebih kreatif dalam mewujudkan peluang

perniagaan secara bebas.

Pemain industri perlu melihat secara positif yang selalunya pasti ada peluang dalam keadaan apa pun untuk memastikan perniagaan terus berdaya saing.

Perniagaan berkaitan keperluan asas tetap menarik minat pembeli dan perlu diutamakan pada masa pandemik.

Salah satunya menjual makanan sejuk beku menggunakan media dalam talian sebagai platform pemasaran digital.

Sekiranya pemain industri ingin kekal berdaya saing, perniagaan yang berpotensi membawa keuntungan semasa ketidakpastian pasaran adalah seperti membeli perkhidmatan untuk bungkusan sayur-sayuran atau makanan

mentah, menjual makanan sejuk beku dan lain-lain barangan keperluan asas.

Selain menjual barang keperluan asas, segala yang berkaitan dengan hobi juga dianggap bermanfaat.

Contohnya, membuka perniagaan tanaman hiasan atau ikan hiasan yang kini digemari orang ramai.

Tahun 2020 merupakan penghujung dekad, dan ketika ini persaingan pasaran dalam industri mana pun semakin sukar.

Bekerjasama dengan pelbagai pihak, terutamanya platform digital akan memberikan nilai tambah kepada perniagaan dan memberi perkhidmatan lebih baik kepada masyarakat.

Dalam keadaan ini, pihak pengurusan mesti mementingkan organisasi terlebih dahulu.

Jika dilihat secara mendalam, di Malaysia syarikat logistik yang menyediakan perkhidmatan pemindahan barangan melalui lori telah mula mengubah model perniagaan dengan mewujudkan perkhidmatan baharu.

Banyak daripada mereka membuat khidmat penghantaran barang-barang keperluan harian yang dipesan pengguna menerusi online.

Tetapi daripada sudut lain pula, pihak pengurusan perlu memberitahu pekerja bahawa perubahan yang dilakukan adalah untuk mengelakkan prestasi syarikat menjadi lebih buruk dan akhirnya memberi kesan kepada pekerja.

Pihak pengurusan syarikat seharusnya berusaha sedaya upaya untuk tidak menjejaskan nasib pekerja



10 MAR, 2021

## Perlu kreatif wujud peluang bisnes

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 4

mereka, perundingan yang telus memungkinan semua pihak bersetuju untuk menyesuaikan jumlah hari bekerja dan gaji jika perlu.

Ketelusan pada masa krisis memainkan peranan sangat penting hingga semua pihak mempunyai harapan dan lebih bersiap sedia dengan semua kemungkinan pada masa hadapan.

Dalam keadaan tidak menentu juga, pemain industri berusaha untuk memberikan produk berkualiti kepada pelanggan mereka, termasuk perkhidmatan yang memuaskan dan boleh dipercayai.

Dalam hal ini, protokol kesihatan dan kebersihan outlet perlu dijaga agar tetap selamat bagi pelanggan dan pekerja.

Di samping itu, penjanaan pasaran semakin dikuasai oleh generasi baharu yang pada hakikatnya tidak suka membeli harta benda dan barang tahan lama.

Oleh itu, para pemain industri perlu mengubah kaedah pemasaran agar produknya dapat bersaing di tengah pasaran yang terus berubah di kala pasaran tidak menentu.

Ini kerana, keadaan pasaran masa kini menunjukkan bahawa generasi *baby boomer* semakin digantikan oleh generasi milenium dan generasi X yang merupakan generasi terbesar dan umumnya telah mencapai taraf hidup lebih stabil.

**AFIZAN AMER** ialah Pensyarah Kanan Pemasaran Digital, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Kampus Rembau, Universiti Teknologi Mara Negeri Sembilan



10 MAR, 2021

## Perlu kreatif wujud peluang bisnes



Kosmo, Malaysia

Page 3 of 4



**BANYAK** syarikat penyedia khidmat pemindahan barang beralih kepada menghantar barangan keperluan pengguna demi survival ketika pandemik. – GAMBAR HIASAN



**PERNIAGAAN** berkaitan hobi seperti ikan hiasan mempunyai potensi besar untuk berkembang pada masa pandemik memandangkan orang ramai memerlukan sesuatu yang berlainan untuk mengisi masa lapang. – GAMBAR HIASAN



10 MAR, 2021

## Perlu kreatif wujud peluang bisnes

Kosmo, Malaysia



Page 4 of 4

### SUMMARIES

PANDEMIK Covid-19 yang kini memasuki gelombang ketiga di Malaysia menyaksikan langkah-langkah pencegahan diambil pihak kerajaan dan sudah pasti sangat mempengaruhi pelbagai bidang perniagaan. Para pemain industri mengakui, pandemik Covid-19 adalah cabaran terbesar dihadapi mereka. Majoriti industri mengalami penguncupan ketara dan banyak tidak dapat bertahan termasuk ada yang gulung tikar. Gelombang pemberhentian kerja juga tidak dapat dielakkan, sekali gus menyebabkan ramai orang menganggur atau tidak mempunyai pendapatan. Hasilnya, kini banyak orang mencuba nasib memulakan perniagaan baharu.